

PENGENALAN MYGAP

Malaysian Good Agricultural Practices (myGAP) adalah satu daripada pensijilan yang terdapat di bawah Pensijilan Veterinar. Pensijilan myGAP ini berlandaskan kepada konsep ternakan yang sihat dan diurus dengan amalan yang baik. Kriteria untuk mendapatkan pengiktirafan myGAP adalah berdasarkan kepada Good Animal Husbandry Practices (GAHP) MS 2027:2018 dimana merangkumi program pengurusan kesihatan ternakan, program biosekuriti, program sanitari dan fitosanitari, program pengurusan sisa ladang dan pencemaran, program penyelenggaraan premis dan infrastruktur, program kawalan makhluk perosak, program kawalan penggunaan ubatan, vaksin dan bahan kimia, program pengurusan sumber dan input ladang, program pengurusan rekod ladang serta program kebajikan haiwan.

Pelaksanaan myGAP juga berpandukan buku-buku panduan Amalan Penternakan yang Baik mengikut komoditi ternakan iaitu siri GAHP 1 – 12. Ia meliputi jenis ternakan termasuk lembu pedaging, lembu tenusu, ayam pedaging, ayam penelur, ayam baka, burung walit, kambing dan bebiri. myGAP dilaksanakan sebagai usaha untuk mewujudkan standard amalan sanitari ladang ternakan yang tinggi dan bertaraf antarabangsa serta mampu meningkatkan keselamatan makanan yang dihasilkan dari ternakan.

Pensijilan ini mula diperkenalkan pada tahun 2003 selaras dengan program Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam Guide for Good Agricultural Practices (GAP) @ Amalan Pertanian Baik (APB) bagi skim pensijilan ladang. Pensijilan myGAP Sektor Ternakan merupakan penjenamaan semula bagi Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) yang mula dilaksanakan pada tahun 2013.